



**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
MARITIM NEGERI PULAU PINANG,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NO 83, JALAN SRI BAHARI,
10050 GEORGETOWN,
PULAU PINANG.**



Tel : 04-2626416
Faks : 04-2636444
Web : www.mmea.gov.my

Ruj kami : APMM.DM2.100-2/1/1 JLD 2 ()
Tarikh : 12 September 2018

Siaran Media

MAYAT DITEMUI BERDEKATAN JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG

PULAU PINANG, 11 September - Setelah sehari operasi mencari menyelamat (SAR) yang dikoordinasikan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Pulau Pinang bersama agensi penyelamat yang lain bagi mencari seorang lelaki berbangsa India berusia lingkungan 40an yang terjun laut dari Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang) telah dijumpai di kawasan lima kilometer dari Jambatan Kedua Pulau Pinang dan dua kilometer dari persisiran Pantai Teluk Tempoyak.

Menurut Pengarah Maritim Negeri, Ibu Pejabat Maritim Negeri Pulau Pinang, Kepten Maritim Hamizan bin Harun berkata, Bilik Operasi Maritim Pulau Pinang telah menerima panggilan kecemasan mengenai seorang orang awam dipercayai telah terjun ke laut di Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah lebih kurang pukul 11.50 malam pada 10 September lalu.

"Sejurus laporan kecemasan diterima, Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) terus dilaksanakan. Lebih kurang pukul 12.50 petang mayat mangsa telah ditemui oleh Pasukan Penyelamat Di Air daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang yang turut serta dalam pencarian tersebut. Seterusnya mayat mangsa dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban untuk diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan dihantar ke Hospital Balik Pulau bagi bedah siasat."

Menurut Hamizan lagi, operasi ini telah melibatkan beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Pasukan Polis Marin Pulau Pinang. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat. Operasi telah ditamatkan pada jam lebih kurang 1.50 petang.

Orang awam diminta agar melaporkan sebarang kejadian kecemasan atau kemalangan di laut di talian kecemasan 24 jam MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang di talian 04-2626146.

TAMAT

Sebarang pertanyaan,sila hubungi :

Lt Dya (M) Tan Cheng Shen,
Pegawai Perhubungan Awam,
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ,
Maritim Negeri Pulau Pinang
04-262 6146 (Pejabat)
012-9388953 (HP)